

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

ANGGARAN KELUARAN DALAM NEGERI KASAR AWALAN SUKU TAHUN KETIGA 2024

KDNK Malaysia dijangka bertumbuh 5.3 peratus pada suku tahun ketiga 2024

PUTRAJAYA, 21 Oktober 2024 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan anggaran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) awalan¹ bagi suku tahun ketiga 2024. Berdasarkan anggaran awalan tersebut, ekonomi Malaysia berkembang 5.3 peratus pada suku tahun ketiga 2024, lanjutan daripada peningkatan kukuh 5.9 peratus pada suku tahun sebelumnya. Bagi tempoh Januari sehingga September 2024, KDNK bertumbuh 5.1 peratus berbanding 3.8 peratus pada tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Pasaran buruh yang stabil, tekanan inflasi yang sederhana, dasar fiskal dan monetari yang menggalakkan, serta pemulihan berterusan dalam aktiviti pelancongan dijangka meneruskan momentum pengembangan dalam ekonomi domestik. Selain itu, tren positif dalam perbelanjaan pengguna dan peningkatan pelaburan dijangka dapat merangsang pertumbuhan ekonomi pada suku tahun ini. Berdasarkan indikator terkini yang diterbitkan oleh DOSM, nilai jualan Perdagangan borong dan runcit meningkat 6.7 peratus pada Julai dan menyederhana kepada 4.7 peratus pada Ogos 2024. Sementara itu, Indeks Pengeluaran Perindustrian masing-masing berkembang 5.3 peratus dan 4.1 peratus pada Julai dan Ogos 2024. Bagi sektor luaran, perdagangan Malaysia menunjukkan daya tahan dengan pertumbuhan 7.8 peratus bagi Eksport dan 20.8 peratus bagi Import pada suku tahun ini."

Prestasi ekonomi pada suku tahun ini dipacu oleh sektor **Perkhidmatan** yang meningkat sebanyak 5.1 peratus (ST2 2024: 5.9%), diterajui oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, Pengangkutan & penyimpanan dan Perkhidmatan perniagaan. Selain itu, sektor **Pembuatan** mencatatkan peningkatan yang lebih baik

¹ Pengiraan anggaran KDNK awalan suku tahun ketiga 2024 adalah berdasarkan kepada gabungan sumber data yang tersedia. Secara umumnya, terdapat perbezaan antara anggaran KDNK awalan dan KDNK preliminari disebabkan oleh ketersediaan data dari pelbagai sumber semasa tempoh penyusunan.

kepada 5.7 peratus berbanding 4.7 peratus pada suku tahun sebelumnya, disokong terutamanya oleh Produk elektrik, elektronik dan optikal serta Produk petroleum, kimia, getah & plastik.

Beliau menambah, "Sektor **Pembinaan** terus melonjak dengan pertumbuhan 19.5 peratus, meningkat daripada 17.3 peratus berikutan prestasi kukuh dalam semua segmen, terutamanya Aktiviti pembinaan pertukangan khas dan Bangunan bukan kediaman. Sektor **Pertanian** meningkat dengan lebih perlahan pada suku tahun ini pada 4.0 peratus berbanding 7.2 peratus pada suku tahun kedua 2024, disumbangkan oleh pertumbuhan sederhana dalam subsektor Kelapa sawit. Walau bagaimanapun, sektor **Perlombongan dan pengkuarian** menyusut 3.4 peratus berbanding pertumbuhan 2.7 peratus pada suku tahun sebelumnya, dipengaruhi oleh penurunan dalam subsektor Gas asli dan Minyak mentah & kondensat."

Lanjutan daripada anggaran awalan ini, KDNK preliminari yang menyediakan set data analisis terperinci dan komprehensif bagi suku tahun ketiga 2024 akan dikeluarkan pada 15 November 2024.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan". DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Dikeluarkan oleh:


PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

21 OKTOBER 2024

LAMPIRAN

**Carta 1: Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK),
ST1 2022 – ST3 2024***



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 1: Pertumbuhan KDNK mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Malar, ST1 2023 – ST3 2024* (YoY)

Jenis aktiviti ekonomi	Sumbangan kepada KDNK (%) 2023**	2022	2023	2023				2024			3ST 2023	3ST 2024*
				ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3*		
KDNK	100.0	8.9	3.6	5.5	2.8	3.1	2.9	4.2	5.9	5.3	3.8	5.1
Pertanian	6.4	1.3	0.7	1.4	-0.7	0.3	1.9	1.7	7.2	4.0	0.3	4.3
Perlombongan & pengkuarian	6.2	3.5	0.5	1.6	-2.1	-1.1	3.5	5.7	2.7	-3.4	-0.5	1.8
Pembuatan	23.4	8.1	0.7	3.2	0.1	-0.1	-0.3	1.9	4.7	5.7	1.1	4.1
Pembinaan	3.6	5.1	6.1	7.4	6.2	7.2	3.6	11.9	17.3	19.5	6.9	16.3
Perkhidmatan	59.2	11.0	5.1	7.1	4.5	4.9	4.1	4.8	5.9	5.1	5.5	5.3

Nota: * Anggaran awalan

** Tidak termasuk Duti import

3ST – Kumulatif tiga suku tahun

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2: Perbandingan Anggaran KDNK Awalan dan KDNK Preliminari pada Harga Malar, ST1 2023 – ST3 2024

Aktiviti Ekonomi (YoY%)	2023								2024				
	ST1		ST2		ST3		ST4		ST1		ST2		
	AE	Preliminari	AE	Preliminari	AE	Preliminari	AE	Preliminari	AE	Preliminari	AE	Preliminari	
KDNK	5.4	5.6	3.1	2.9	3.3	3.3	3.4	3.0	3.9	4.2	5.8	5.9	5.3
Pertanian	1.1	0.9	-2.2	-1.1	0.8	0.8	1.2	1.9	1.3	1.6	7.1	7.2	4.0
Perlombongan & pengkuarian	2.2	2.4	-0.4	-2.3	-0.1	-0.1	3.7	3.8	4.9	5.7	3.3	2.7	-3.4
Pembuatan	3.2	3.2	0.1	0.1	-0.1	-0.1	0.1	-0.3	1.9	1.9	4.7	4.7	5.7
Pembinaan	7.3	7.4	6.3	6.2	5.8	7.2	2.5	3.6	9.8	11.9	17.2	17.3	19.5
Perkhidmatan	7.1	7.3	5.0	4.7	5.1	5.0	4.7	4.2	4.4	4.7	5.6	5.9	5.1

Nota: AE = Anggaran awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

KDNK preliminari bagi ST3 2024 akan diterbitkan pada 15 November 2024

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

ADVANCE GROSS DOMESTIC PRODUCT ESTIMATES THIRD QUARTER OF 2024

Malaysia's GDP is estimated to grow by 5.3 per cent in the third quarter of 2024

PUTRAJAYA, 21 OCTOBER 2024 - Today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) released the advance Gross Domestic Product (GDP) estimates¹ for the third quarter of 2024. Based on the advance estimates, Malaysia's economy increased to 5.3 per cent in the third quarter of 2024, following a stronger 5.9 per cent growth in the previous quarter. For the period of January to September of 2024, GDP grew at 5.1 per cent as compared to 3.8 per cent in the same period last year.

According to the Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “Stable labour market, moderate inflationary pressure, accommodative fiscal and monetary policies, as well as continuous recovery in tourism activities are expected to contribute to the expansionary momentum of domestic economy. Additionally, positive trends in consumer spending and rising investment are set to spur the economic growth in this quarter. Based on the latest indicator released by DOSM, the sales of Wholesale and retail trade increased 6.7 per cent in July and moderated to 4.7 per cent in August 2024. Furthermore, the Industrial Production Index rose 5.3 per cent and 4.1 per cent, respectively, in July and August 2024. On external front, Malaysia’s trade demonstrated resilience, achieving quarterly growth of 7.8 per cent in Exports and 20.8 per cent in Imports.”

This quarter’s economic expansion was propelled by the **Services** sector, which grew by 5.1 per cent (Q2 2024: 5.9%), led by the Wholesale & retail trade, Transportation & storage and Business services sub-sectors. Furthermore, the **Manufacturing** sector registered a better growth of 5.7 per cent as compared to 4.7 per cent in the preceding quarter, mainly supported by Electrical, electronic & optical products as well as Petroleum, chemical, rubber & plastic products.

¹ The computation of advance GDP estimates for the third quarter of 2024 is based on the availability of various data sources. In general, there are differences between the advance GDP estimates and the preliminary GDP due to the availability of data from various sources during the compilation period.

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday, 21 October 2024

He added, “The **Construction** sector continued its remarkable growth of 19.5 per cent, up from 17.3 per cent following a strong performance in all segments, mainly Specialised construction activities and Non-residential buildings. The **Agriculture** sector grew at a slower pace in this quarter at 4.0 per cent as compared to 7.2 per cent in the second quarter of 2024, attributed to the moderation in Oil palm sub-sector. Nevertheless, the **Mining and quarrying** sector declined 3.4 per cent from 2.7 per cent growth in the last quarter, due to the contraction in the Natural gas and Crude oil & condensate sub-sectors.”

Subsequent to this advance estimates, the preliminary GDP which provides a detailed and comprehensive analysis for the third quarter of 2024 will be released on 15 November 2024.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.


The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
21 OCTOBER 2024**

APPENDIX

Chart 1: Gross Domestic Product (GDP), Q1 2022 – Q3 2024*



Note : * Advance estimates

Source: Department of Statistics Malaysia

Table 1: GDP Growth by Kind of Economic Activity at Constant Prices, Q1 2023 – Q3 2024* (YoY)

Kind of economic activity	Share to GDP (%) 2023**	2022	2023	2023				2024			3Q 2023	3Q 2024*
				Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2	Q3*		
GDP	100.0	8.9	3.6	5.5	2.8	3.1	2.9	4.2	5.9	5.3	3.8	5.1
Agriculture	6.4	1.3	0.7	1.4	-0.7	0.3	1.9	1.7	7.2	4.0	0.3	4.3
Mining & quarrying	6.2	3.5	0.5	1.6	-2.1	-1.1	3.5	5.7	2.7	-3.4	-0.5	1.8
Manufacturing	23.4	8.1	0.7	3.2	0.1	-0.1	-0.3	1.9	4.7	5.7	1.1	4.1
Construction	3.6	5.1	6.1	7.4	6.2	7.2	3.6	11.9	17.3	19.5	6.9	16.3
Services	59.2	11.0	5.1	7.1	4.5	4.9	4.1	4.8	5.9	5.1	5.5	5.3

Notes : * Advance estimates

** Exclude Import duties

3Q – Cumulative of three quarters

Source: Department of Statistics Malaysia

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday, 21 October 2024

Table 2: Comparison of Advance Estimates and Preliminary GDP at Constant Prices, Q1 2023 – Q3 2024

Kind of economic activity (YoY%)	2023								2024				
	Q1		Q2		Q3		Q4		Q1		Q2		
	AE	Preliminary	AE	Preliminary	AE	Preliminary	AE	Preliminary	AE	Preliminary	AE	Preliminary	
GDP	5.4	5.6	3.1	2.9	3.3	3.3	3.4	3.0	3.9	4.2	5.8	5.9	5.3
Agriculture	1.1	0.9	-2.2	-1.1	0.8	0.8	1.2	1.9	1.3	1.6	7.1	7.2	4.0
Mining & quarrying	2.2	2.4	-0.4	-2.3	-0.1	-0.1	3.7	3.8	4.9	5.7	3.3	2.7	-3.4
Manufacturing	3.2	3.2	0.1	0.1	-0.1	-0.1	0.1	-0.3	1.9	1.9	4.7	4.7	5.7
Construction	7.3	7.4	6.3	6.2	5.8	7.2	2.5	3.6	9.8	11.9	17.2	17.3	19.5
Services	7.1	7.3	5.0	4.7	5.1	5.0	4.7	4.2	4.4	4.7	5.6	5.9	5.1

Notes : AE = Advance estimates

Preliminary GDP for Q3 2024 will be released on 15 November 2024

Source: Department of Statistics Malaysia